



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 23 Disember 2025

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 26 TAHUN 2025

PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Bil 187 Tahun 2025 telah meluluskan pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di Lembaga Getah Malaysia **berkuat kuasa mulai 01 Januari 2026**.

3. Mesyuarat Lembaga juga telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.4.1.1: Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Persekutuan dengan pindaan dan dirujuk sebagai Garis Panduan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Lembaga Getah Malaysia (LGM).

4. Dengan pelaksanaan WBF, kemudahan Cuti Pendek dan Kebenaran Meninggalkan Pejabat (KMP) adalah seperti berikut:

	Cuti Pendek	KMP
Kelayakan	Terhad tiga (3) kali sebulan	Sekali sebulan
Tempoh	Minimum satu (1) jam dan maksimum sehingga empat (4) jam	
Penolakan cuti rehat	Jumlah cuti akan ditolak satu (1) hari cuti rehat apabila jumlah terkumpul cuti pendek bersamaan 8 jam	Tiada penolakan cuti rehat
Tujuan	Keperluan melaksanakan urusan peribadi yang boleh diselesaikan dalam tempoh empat (4) jam bekerja	i) Temujanji klinik/hospital untuk ahli keluarga terdekat (Pasangan, anak-anak, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, datuk dan nenek kandung/pasangan); atau ii) Untuk ziarah apabila ada kematian pegawai/pekhidmat dan pesara LGM.

5. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Lembaga Getah Malaysia (LGM) untuk rujukan. Sehubungan itu, semua Pegawai dan Pehidmat LGM diminta untuk mengambil maklum perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(EMILIA BINTI KASSIM)